

Zakat medium terbaik bantu golongan miskin

Masih ramai enggan tunai tanggungjawab kerana takut harta dimiliki susut

Oleh Anis Farhan Muhamad Ali

HARTA dan kemewahan antara nikmat yang menjadikan manusia alpa dengan kehidupan dunia akhir zaman. Ramai rakyat yang miskin semakin merana akibat kerakusan segelintir manusia yang ghairah mengaut kekayaan sehingga lupa bahawa harta diperoleh itu seharusnya dikongsi bersama.

Melihat kepada laporan mengenai sesetengah kita yang berdepan masalah kewangan seperti kesukaran mengubati sakit kronik anak atau ahli keluarga kerana kekurangan wang, terlintas di fikiran, wajarkah ia berlaku di negara yang makmur seperti Malaysia?

Bukankah kita mempunyai pelbagai bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada golongan begini tanpa perlu mereka meminta-minta? Berdasarkan perkara seperti inilah Islam mensyariatkan pembayaran zakat melalui firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat."* (Surah al-Baqarah, ayat 43)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Jika mereka mematuhi perkara itu, beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan zakat ke atas mereka yang diambil daripada orang kaya, lalu diagih-agihkan kepada orang fakir di kalangan mereka." (Hadis riwayat Muslim)

Zakat antara medium terbaik bagi membantu golongan yang miskin supaya mereka juga dapat menjalani kehidupan sama seperti orang lain. Golongan yang menerima agihan zakat akan mendoakan pembayar zakat lalu menjadikan baki hartanya bertambah subur dan berkat.

Namun, masih ada umat Islam



ANAK asnaf gembira menerima basikal daripada Lembaga Zakat Selangor.

yang enggan melaksanakan kewajipan ini kerana merasakan zakat yang dibayar akan mengurangkan harta selain terpaksa memberikan sebahagian harta mereka kepada orang lain.

Mereka ter lupa bahawa harta yang diperoleh adalah kurniaan Allah dan bukan dari hasil usaha mereka semata-mata seperti ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabda Baginda yang bermaksud: "Zakat itu tidak mengurangi harta." (Hadis riwayat Muslim)

Zakat yang menjadi suatu kewajipan seharusnya diberi perhatian serius oleh umat Islam kerana Allah memerintahkan

mereka yang memenuhi syarat wajib membayar zakat supaya melaksanakan perintah itu.

Firman Allah yang bermaksud: *"Ambillah sedekah dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah mereka."* (Surah al-Taubah, ayat 103)

Al-Quran turut menjelaskan 2.5 peratus kadar bayaran zakat yang dikenakan terhadap harta orang kaya adalah milik lapan asnaf (golongan yang menerima zakat) iaitu fakir, miskin, amil (pengutip) zakat, muallaf (orang yang baru memeluk Islam), hamba yang ingin merdeka, orang yang berhutang di jalan Allah dan sedang berjuang

kerana Allah seperti menuntut ilmu.

Mereka yang sudah cukup syarat membayar zakat namun menolak untuk melaksanakannya tidak akan memperoleh rahmat Allah, malah sentiasa merasa tidak cukup dengan kekayaan dimiliki serta menjadi semakin bakhil.

Seorang ahli perniagaan mengaku dirinya berasa tertekan setelah menyedari beliau tidak pernah menunaikan zakat hampir 30 tahun. Apa yang lebih mengecewakan, beliau masih tidak merasa insaf walaupun telah mendapat teguran daripada Allah.

Bagaimanapun, setelah perniagaannya benar-benar jatuh merudum, barulah beliau menyesali perbuatannya dan ingin bertaubat. Kisah ini salah satu contoh pengajaran yang perlu difikirkan dan diambil iktibar kerana ia mungkin satu cara Allah ingin membuktikan kesan kepada sesiapa yang enggan menunaikan zakat.

Harus diingat, azab dan seksaan yang perit disediakan oleh Allah bagi sesiapa yang diperintahkan membayar zakat namun masih mengingkari kewajipan itu.

Firman Allah yang bermaksud: *"Dan jangan sesekali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah Allah kurniakan kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik untuk mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jugalah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan."* (Surah ali-Imran, ayat 180)

Hasil kajian pada 2005 mem-

buktikan walaupun peratusan jumlah kutipan zakat meningkat saban tahun, namun jumlah pembayarannya masih di tahap kurang memberangsangkan.

Kajian bertajuk *'Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia'* oleh Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor menunjukkan 71.3 peratus responden tidak membayar zakat pendapatan dan hanya 28.7 peratus menunaikan kewajipan itu.

Berdasarkan kajian literatur oleh Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2005) bertajuk *'Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal'*, alasan utama menyebabkan ramai responden tidak membayar zakat kerana menganggap kewajipan zakat satu bebanan serta tidak menyedari zakat adalah tanggungjawab agama dan sosial.

Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Nasir Tun Sakaran dalam laporan sebuah laman berita dalam talian berkata, masih ada umat Islam kurang memahami kepentingan zakat kepada ekonomi, pendidikan serta peranannya membantu golongan kurang berkemampuan sehingga memandang ringan kewajipan itu.

Kesedaran membayar zakat perlu dipertingkatkan termasuk menggunakan saluran media untuk memupuk kesedaran terutama dalam kalangan pembaca Muslim mengenai kepentingan zakat. Hal ini turut membantu mereka menyedari menunaikan zakat adalah rukun yang tidak boleh dipandang ringan.

Penulis ialah pelajar Bahasa Arab dan Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).